

11 JUN 2001

Kebakaran-Pondok

KEBAKARAN KALI KEDUA TIDAK PATAHKAN SEMANGAT PENGURUSAN PONDOK

KOTA BAHARU, 11 Jun (Bernama) -- Kebakaran yang memusnahkan sebahagian besar rumah pondok Sri Mahligai di Kampung Mahligai, Melor hari ini sedikitpun tidak memudarkan semangat pengurusan pondok berkenaan.

Jurucakap pondok tersebut, Aziz Mamat berkata kejadian itu disifatkan sebagai takdir tuhan dan pihaknya bertekad untuk membangunkan semula rumah-rumah pondok itu.

"Jika ada bantuan dari orang ramai yang bersimpati kita akan bangunkan bersama-sama rumah pondok yang musnah ini," katanya ketika ditemui di tapak kebakaran di kampung itu di sini, hari ini.

Aziz yang juga merupakan warden pondok di pusat pengajian agama itu berkata ia adalah kali kedua kebakaran berlaku, kejadian pertama yang turut memusnahkan berpuluh buah rumah pondok itu berlaku pada 1989, dan selepas itu pihaknya menerima bantuan untuk mendirikan dua buah asrama.

Beliau bagaimanapun menyifatkan kebakaran yang berlaku pada pukul 6.30 pagi itu adalah yang terbesar, dan memusnahkan sebanyak 61 buah pondok dan sebahagian asrama wanita.

Dalam kebakaran pagi tadi itu semua penghuni pondok dan asrama seramai 132 orang itu, sedang mengikuti kuliah agama selepas sembahyang Subuh di masjid bersebelahan pondok mereka.

Hampir 70 orang yang kebanyakannya merupakan wanita berumur kini hilang tempat tinggal dan langsung tidak dapat menyelamatkan harta benda.

Tiada sebarang kecederaan dan kemalangan jiwa dilaporkan berlaku dan kerugian ditaksirkan sebanyak RM60,000.

"Mujur kesemua pelajar terutama golongan tua berada di dalam masjid...jika tidak saya tak tahu apa nasib mereka," katanya.

Beliau yang menceritakan detik awal kejadian itu berkata beliau dimaklumkan oleh penduduk kampung yang melihat api membakar sebahagian daripada pondok-pondok itu.

"Saya lantas pergi ke tempat kebakaran tetapi api marak begitu cepat dan saya hanya memaklumkan kepada penghuni yang berada di masjid supaya jangan lagi menghampiri kawasan kebakaran," katanya.

Aziz turut melahirkan perasaan syukurnya apabila kebakaran itu tidak menyebabkan berlakunya sebarang kehilangan nyawa atau kecederaan.

Sementara itu, Aziz berkata kesemua mangsa kebakaran kini diminta pulang semula ke rumah saudara atau anak-anak dan mereka akan dimaklumkan sebarang perkembangan baru.

"Kita terpaksa meminta mereka balik ke rumah keluarga kerana kita tidak dapat menyediakan tempat tinggal sementara, bagaimanapun mereka dibenarkan datang semula apabila terbinanya pondok baru," katanya.

Beliau berkata kebanyakan wanita yang terbabit tinggal seorang diri di pondok-pondok berkenaan.

"Saya percaya api berpunca daripada api dapur dari sebuah rumah yang terbakar itu, kerana mendapat maklumat ada penghuni yang memasak air sebelum ke masjid dan terlupa menutup api dapur," katanya.

Sementara itu, seorang penghuni pondok, Kiah Mat Amin, 80, berkata beliau akur apabila diarah untuk pulang ke rumah anak-anak tetapi berhasrat untuk datang semula pada masa depan.

"Inilah tempat kami orang tua untuk menghabiskan sisa hidup untuk beribadat kepada tuhan dan kami redha," katanya yang telah tiga tahun menetap di pondok itu.

Tinjauan mendapati hampir setiap pondok mempunyai dapur memasak sama

ada menggunakan dapur gas atau dapur arang dan rata-rata wanita yang menghuni pondok itu berusia 60 tahun ke atas.

Selain wanita itu, terdapat lebih dari 50 penghuni asrama yang merupakan pelajar lelaki dan wanita, yang bersekolah di sekolah agama berhampiran.

Sekolah pondok itu pernah mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah dua kali melawat pondok berkenaan kira-kira empat tahun lepas.

Beberapa pegawai dari Jabatan Pembangunan Persekutuan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dilihat turut hadir meninjau keadaan kebakaran itu.

-- BERNAMA

ZI RI